

081-02084

WAWASAN 2020

**Berjayakah Golongan
Melayu Bandar
Menyahut Cabarannya?**

M
303.49595
WAW

**Nurizan Yahaya
Mumtazah Othman
Naimah Mohd Salleh
Aziah Hashim
Mohd Fazli Sabri
Bukryman Sabri**

WAWASAN 2020

**Berjayakah Golongan
Melayu Bandar
Menyahut Cabarannya?**

WAWASAN 2020

Berjayakah Golongan
Melayu Bandar
Menyahut Cabarannya?

- Nurizan Yahaya • Mumtazah Othman
- Naimah Mohd Salleh • Aziah Hashim
- Mohd Fazli Sabri • Bukryman Sabri

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA KN U S Perkhidmatan	
Tarikh terima:	25.7.2008.
Tarikh siap didaftar:	10.09.2008
Tarikh siap didokumentasi:	15/1/09
Tarikh disusun atas rak:	30 JAN 2009

A
303.49595
WAW

01550689



Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2007

© Penerbit Universiti Putra Malaysia
Cetakan Pertama 2007

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No. Ahli 9802

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wawasan 2020 : berjayakah golongan Melayu bandar menyahut cabarannya?
/ penyelidik Nurizan Yahaya ... [et al.].

ISBN 978-967-5026-37-9

1. Wawasan 2020. 2. Urban ecology--Malaysia. 3. Community development,
Urban--Malaysia. 4. Malays--Malaysia--Social conditions. I. Nurizan Yahaya.
303.49595

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang
Selangor Darul Ehsan

Pesanan boleh dibuat terus kepada
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89468851/8854
Faks:03-89416172
E-mel: penerbit@putra.upm.edu.my

Kandungan

Prakata	vii
BAB 1	
Pengenalan	1
BAB 2	
Status Sosioekonomi Isi Rumah Melayu Bandar.....	12
BAB 3	
Persepsi Terhadap Nilai dan Amalan Ke Arah..... Memenuhi Cabaran Wawasan 2020	27
BAB 4	
Pendidikan dan Pencapaian Akademik	43
BAB 5	
Persepsi Terhadap Kesejahteraan Hidup.....	68
BAB 6	
Persediaan Terhadap Isu Globalisasi dan Teknologi..... Komunikasi dan Maklumat (ICT)	82
Indeks.....	95

Prakata

Kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana izin dan limpah kurnia-Nya dapat kami menyiapkan buku ini. Ia berdasarkan kepada kajian bertajuk Sikap dan Amalan Golongan Melayu Bandar dalam Menghadapi Cabaran Wawasan 2020 yang dibiayai Kementerian Sains dan Teknologi. Wawasan 2020 adalah salah satu agenda penting dalam dasar pembangunan menjelang tahun 2020. Ia dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Mahathir Mohamad pada tahun 1991. Agenda wawasan 2020 telah diterapkan ke dalam pelbagai dasar kerajaan yang diharap dapat dicapai dalam tempoh tersebut. Justeru, setelah 15 tahun dasar ini dilaksanakan, bagaimanakah tahap kejayaan golongan Melayu bandar dalam menghadapi cabaran tersebut?

Satu kajian telah dijalankan dalam tahun 2003 hingga 2005 untuk meneliti tahap pencapaian golongan Melayu bandar dalam menghadapi cabaran tersebut berkaitan beberapa aspek khusus termasuklah penghayatan nilai dan amalan, pendidikan anak, kesejahteraan hidup dan persediaan terhadap isu globalisasi dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Sampel kajian ini terdiri daripada penduduk Melayu yang tinggal di bandar terpilih iaitu di Kuala Lumpur, Alor Star, Johor Bahru dan Kota Bharu. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden berada dalam umur empat puluhan, sebahagian besar mendapat pendidikan menengah dan berpendapatan sederhana rendah. Tahap penghayatan responden terhadap nilai yang terangkum dalam sembilan cabaran Wawasan 2020 adalah baik kecuali beberapa isu yang berkaitan dengan ekonomi. Terdapat beberapa aspek nilai dan amalan yang perlu diperkukuhkan untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Dari segi pencapaian akademik anak-anak, persepsi dan amalan ibu bapa bandar ini adalah tinggi dan positif. Namun begitu, terdapat beberapa amalan yang perlu diperbaiki. Berkaitan dengan kesejahteraan hidup yang diukur melalui kepentingan dan kepuasan hidup, tahap kepentingan adalah sederhana tinggi. Aspek tanggungjawab dalam melaksanakan perintah agama, kesihatan keluarga dan intimasi suami isteri menjadi elemen penting dalam kehidupan mereka berbanding aspek ekonomi dan sosial. Elemen penglibatan dalam persatuan dan kebebasan untuk melakukan sesuatu tidak penting kepada mereka. Dari segi kepuasan hidup pula, sekali lagi hubungan intimasi suami isteri, kehidupan berkeluarga dan tahap kesihatan mendapat kepuasan tertinggi. Sementara kepuasan terendah menjurus kepada penglibatan dalam persatuan, kecukupan kewangan dan pendidikan. Satu dapatan yang menarik adalah tidak terdapat

perbezaan ketara dalam kesejahteraan hidup mengikut lokasi kajian. Hasil kajian juga menunjukkan golongan Melayu bandar ini mempunyai tahap keprihatinan yang baik dalam menghadapi isu globalisasi dan ICT. Kajian ini memberi implikasi sebahagian besar daripada golongan yang dikaji telah bersedia dari segi mental, spiritual dan ekonomi untuk merealisasi cabaran wawasan negara menjelang tahun 2020 ke arah pembangunan e-Malaysia.

Kami berharap perkongsian hasil kajian ini dapat memberi maklumat dalam menilai tahap kejayaan golongan Melayu bandar ini. Kami mengajak para pembaca sama-sama memikirkan sejauh mana golongan Melayu bandar telah berjaya mencapai cabaran Wawasan 2020. Marilah kita sama-sama menentukan tahap kejayaan golongan ini dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dan golongan Melayu bandar itu sendiri untuk mencapai cabaran Wawasan 2020 tersebut.

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembantu penyelidik Hani Akhmar Azhar dan Siti Farra Zillah Abdullah yang membantu dan mengendalikan kajian ini. Tidak dilupakan kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini.

Terima kasih.

Nurizan Yahaya

Mumtazah Othman

Naimah Mohd Salleh

Aziah Hashim

Mohd Fazli Sabri

Bukryman Sabri

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia